

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas Teknologi Asuhan Kanak-Kanak 8870/1 mengandungi dua bahagian:

- Bahagian A Terdiri dari dua puluh soalan wajib dijawab oleh calon. Calon dinasihatkan mengambil masa tidak lebih empat puluh lima minit untuk menjawab soalan dalam bahagian A.
- Bahagian B Merupakan soalan yang memerlukan calon membuat pilihan daripada enam soalan. Calon dikehendaki menjawab empat soalan sahaja.

Masa yang diperuntukan adalah satu jam empat puluh lima minit untuk menjawab soalan tersebut.

PRESTASI KESELURUHAN

Secara keseluruhannya prestasi calon meningkat. Bilangan calon yang memperolehi markah maksima semakin bertambah berbanding tahun sebelum ini. Kebolehan calon menghurai jawapan dengan tepat juga meningkat. Namun ada juga calon yang masih tidak dapat memahami kehendak soalan dan tidak dapat menjawab soalan dengan tepat.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Calon memahami kehendak soalan dan memberikan jawapan yang tepat dan jelas. Calon dapat memberikan fakta yang tepat dan dapat membuat huraian yang terperinci bagi setiap soalan berdasarkan kata tugas yang diberi.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Calon memahami kehendak soalan tetapi tidak dapat membuat huraian yang tepat bagi fakta yang diberikan. Masih terdapat calon yang tidak dapat memahami kata tugas yang diberikan. Keadaan ini menyebabkan calon tidak dapat menjawab dengan baik.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Calon kurang memahami kehendak soalan yang diberi dan calon tidak dapat menjawab dengan betul. Terdapat juga calon yang tidak menjawab soalan yang diberikan. Ada juga calon yang hanya memberikan jawapan secara ringkas sahaja.

PRESTASI TERPERINCI**Bahagian A****Soalan 1**

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan jelas serta memahami kehendak soalan. Walau bagaimanapun terdapat juga calon yang tidak dapat memberikan

fakta yang tepat. Calon tidak dapat memberikan jawapan yang boleh memenuhi kehendak soalan. Terdapat calon yang keliru antara sebab dan tujuan menghantar anak ke Tadika. Sebab ibubapa menghantar anak ke Tadika yang dinyatakan ialah ramai ibubapa keluar bekerja. Calon banyak menjawab soalan mengikut kefahaman sendiri.

Soalan 2

Calon cemerlang dapat memahami kehendak soalan dan dapat menjawab dengan tepat. Walau bagaimanapun ada juga calon yang tidak dapat memberikan jawapan yang tepat. Terdapat calon yang keliru dengan faedah bermain. Mereka tidak dapat menjawab dengan tepat. Memberikan fakta yang salah untuk faedah bermain.

Soalan 3

Calon cemerlang dapat memberikan jawapan yang tepat dan jelas. Terdapat juga calon yang memberikan jawapan terlalu umum tidak menjurus pada jawapan sebenar. Calon memberikan jawapan yang mengelirukan dan tidak menepati kehendak soalan. Calon hanya menyatakan pertambahan berat badan yang teratur penting untuk kesihatan.

Soalan 4

Calon cemerlang dapat memahami kehendak soalan dan dapat menjawab dengan baik. Calon kurang memberi perhatian pada jawapan yang diberi. Menjawab soalan terlalu ringkas. Tidak dapat menyatakan dengan tepat sebab jadual bertugas perlu disediakan untuk pengasuh.

Soalan 5

Calon cemerlang dapat mengemukakan jawapan yang tepat kerana memahami kehendak soalan. Calon dapat menyatakan fakta yang tepat dan lengkap. Walau bagaimanapun terdapat juga calon yang tidak dapat menjawab dengan baik. Kebanyakan calon tidak mengetahui apa yang dimaksudkan dengan istilah pranatal. Kemungkinan calon kurang didedahkan dengan istilah tersebut. Ini menyebabkan calon memberikan jawapan yang tiada kaitan dengan soalan yang ditanya. Antara jawapan yang diberikan oleh calon pranatal adalah suntikan yang diberikan pada bayi.

Soalan 6

Majoriti calon dapat memahami soalan. Calon dapat memberikan jawapan yang tepat serta dapat menyatakan factor yang mempengaruhi pertumbuhan dan perkembangan janin.

Soalan 7

Majoriti calon keliru dan tidak memahami kehendak soalan. Calon tidak dapat memberikan fakta tentang mengapa alat permainan kanak-kanak perlu berbeza.

Soalan 8

Calon cemerlang dapat mengemukakan jawapan yang tepat kerana memahami kehendak soalan. Calon dapat menyatakan fakta yang tepat dan lengkap. Walau bagaimanapun terdapat juga calon yang tidak dapat menjawab dengan baik. Sebilangan kecil calon tidak dapat membezakan faktor perkembangan motor. Keadaan ini menyebabkan calon tidak dapat memberikan jawapan yang tepat dan lengkap.

Soalan 9

Calon cemerlang dapat mengemukakan jawapan yang tepat kerana memahami kehendak soalan. Calon dapat menyatakan fakta yang tepat dan lengkap. Walau bagaimanapun terdapat juga calon yang tidak dapat menjawab dengan baik. Calon tidak dapat menyatakan peringkat bermain dengan tepat sebaliknya hanya menyatakan faedah bermain sahaja.

Soalan 10

Calon cemerlang dapat mengemukakan jawapan yang tepat kerana memahami kehendak soalan. Calon dapat menyatakan fakta yang tepat dan lengkap. Walau bagaimanapun terdapat juga calon yang tidak dapat menjawab dengan baik.

Soalan 11

Calon cemerlang dapat mengemukakan jawapan yang tepat kerana memahami kehendak soalan. Calon dapat menyatakan fakta yang tepat dan lengkap.

Soalan 12

Calon cemerlang dapat mengemukakan jawapan yang tepat kerana memahami kehendak soalan. Calon dapat menyatakan fakta yang tepat dan lengkap. Walau bagaimanapun terdapat juga calon yang tidak dapat menjawab dengan baik.

Soalan 13

Calon cemerlang dapat mengemukakan jawapan yang tepat kerana memahami kehendak soalan. Calon dapat menyatakan fakta yang tepat dan lengkap. Walau bagaimanapun terdapat juga calon yang tidak dapat menjawab dengan baik. Calon memberikan jawapan yang terlalu ringkas dan umum. Calon hanya menyatakan memberikan susu. Sepatutnya calon memberikan jawapan yang lebih tepat dan lengkap.

Soalan 14

Calon cemerlang dapat mengemukakan jawapan yang tepat kerana memahami kehendak soalan. Calon dapat menyatakan fakta tentang kaedah pensterilan botol susu dengan tepat dan lengkap. Walau bagaimanapun terdapat juga calon yang tidak dapat menjawab dengan baik.

Soalan 15

Calon cemerlang dapat mengemukakan jawapan yang tepat kerana memahami kehendak soalan. Calon dapat menyatakan fakta yang tepat dan lengkap. Walau bagaimanapun terdapat juga calon yang tidak dapat menjawab dengan baik.

Kebanyakan calon tidak dapat menyatakan ciri kasut dengan tepat. Calon hanya menjawab berdasarkan pemahaman sendiri.

Soalan 16

Calon cemerlang dapat mengemukakan jawapan yang tepat kerana memahami kehendak soalan. Calon dapat menyatakan fakta yang tepat dan lengkap. Walau bagaimanapun

terdapat juga calon yang tidak dapat menjawab dengan baik. Sebilangan kecil calon tidak dapat menyatakan cara bagaimana pengasuh boleh mengelakkan penyakit berjangkit dari merebak di Taska, sebaliknya hanya menyatakan secara umum sahaja.

Soalan 17

Calon cemerlang dapat mengemukakan jawapan yang tepat kerana memahami kehendak soalan. Calon dapat menyatakan fakta yang tepat dan lengkap. Walau bagaimanapun terdapat juga calon yang tidak dapat menjawab dengan baik. Kebanyakan calon hanya dapat menyatakan satu cara pelalian sahaja yang diberikan pada bayi. Jawapan yang diberikan oleh calon adalah seperti melalui cecair dan dalam bentuk pil.

Soalan 18

Majoriti calon dapat menjawab dengan tepat contoh ubat yang harus ada dalam peti pertolongan cemas. Calon cemerlang dapat menyatakan fakta yang tepat dan lengkap. Walau bagaimanapun terdapat juga calon yang tidak dapat menjawab dengan baik.

Soalan 19

Calon cemerlang dapat mengemukakan jawapan yang tepat kerana memahami kehendak soalan. Calon dapat menyatakan fakta yang tepat dan lengkap. Walau bagaimanapun terdapat juga calon yang tidak dapat menjawab dengan baik. Sebilangan kecil calon tidak dapat menyatakan langkah rawatan kecemasan yang lengkap. Calon hanya dapat menyatakan satu atau dua langkah sahaja.

Soalan 20

Majoriti calon cemerlang dapat mengemukakan jawapan yang tepat kerana memahami kehendak soalan. Calon dapat menyatakan fakta yang tepat dan lengkap. Walau bagaimanapun terdapat juga calon yang tidak dapat menjawab dengan baik.

Bahagian B

Soalan 1 (a)

Calon cemerlang dapat mengemukakan jawapan yang tepat kerana memahami kehendak soalan. Calon dapat menyatakan fakta yang tepat dan lengkap. Walau bagaimanapun terdapat juga calon yang tidak dapat menjawab dengan baik. Kebanyakan calon keliru antara tanggungjawab dan tugas pengasuh. Calon tidak dapat menerangkan tanggungjawab pengasuh dengan tepat dan terperinci seperti yang dikehendaki oleh soalan.

Soalan 1 (b)

Calon cemerlang dapat mengemukakan jawapan yang tepat kerana memahami kehendak soalan. Calon dapat menyatakan fakta yang tepat dan lengkap. Walau bagaimanapun terdapat juga calon yang tidak dapat menjawab dengan baik. Sebilangan kecil calon hanya menyatakan jenis alat permainan yang selamat. Calon tidak memahami kehendak soalan yang menghendaki calon menyatakan ciri alat permainan yang sesuai dan selamat.

Soalan 1 (c)

Majoriti calon dapat menyatakan dengan tepat contoh aktiviti yang sesuai semasa menunggu kedatangan ibubapa di Tadika.

Soalan 2 (a)

Calon cemerlang dapat mengemukakan jawapan yang tepat kerana memahami kehendak soalan. Calon dapat menyatakan fakta yang tepat dan lengkap. Walau bagaimanapun terdapat juga calon yang tidak dapat menjawab dengan baik. Kebanyakan calon tidak dapat memahami kehendak soalan. Calon tidak memahami kata tugas soalan, calon hanya menyatakan/menyenaraikan sahaja. Calon tidak dapat menerangkan sebab guru tadika mengalami kesukaran untuk melibatkan ibubapa dalam program yang dirancang di tadika.

Soalan 2 (b)

Calon cemerlang dapat mengemukakan jawapan yang tepat kerana memahami kehendak soalan. Calon dapat menyatakan fakta yang tepat dan lengkap. Walau bagaimanapun terdapat juga calon yang tidak dapat menjawab dengan baik. Kebanyakan calon tidak memahami kehendak soalan/keliru. Majoriti calon tidak dapat menyatakan cara bagaimana ibubapa boleh melibatkan diri dalam aktiviti di tadika, sebaliknya hanya menyatakan program yang boleh dijalankan seperti mesyuarat, perbincangan dan taklimat. Calon juga sering mengulangi fakta yang sama dalam bentuk yang berlainan.

Soalan 2 (c)

Calon cemerlang dapat mengemukakan jawapan yang tepat kerana memahami kehendak soalan. Calon dapat menyatakan fakta yang tepat dan lengkap. Walau bagaimanapun terdapat juga calon yang tidak dapat menjawab dengan baik. Majoriti calon tidak dapat menyatakan dengan tepat kebaikan yang diperolehi oleh kanak-kanak hasil penglibatan ibubapa di tadika. Calon hanya menyatakan secara umum seperti kanak-kanak merasa seronok.

Soalan 3 (a)

Calon cemerlang dapat mengemukakan jawapan yang tepat kerana memahami kehendak soalan. Calon dapat menyatakan fakta yang tepat dan lengkap. Walau bagaimanapun terdapat juga calon yang tidak dapat menjawab dengan baik. Sebilangan kecil calon tidak dapat menerangkan bagaimana pengasuh dapat membantu meningkatkan daya ingatan kanak-kanak. Calon hanya menyatakan secara ringkas dan mengulangi fakta yang sama dalam bentuk yang berlainan. Calon tidak memahami kehendak soalan.

Soalan 3 (b)

Calon cemerlang dapat mengemukakan jawapan yang tepat kerana memahami kehendak soalan. Calon dapat menyatakan fakta kemahiran social dengan tepat dan lengkap. Walau bagaimanapun terdapat juga calon yang tidak dapat menjawab dengan baik. Kebanyakan calon tidak dapat menyatakan kemahiran social dengan tepat. Calon banyak mengulangi fakta yang sama dalam bentuk ayat yang berlainan.

Soalan 3 (c)

Majoriti calon tidak memahami kehendak soalan. Calon tidak dapat memberikan sebab yang jelas dan tepat mengapa perhatian dan layanan yang konsisten daripada pengasuh penting untuk kanak-kanak.

Soalan 4 (a)

Calon cemerlang dapat mengemukakan jawapan yang tepat kerana memahami kehendak soalan. Calon dapat menyatakan fakta yang tepat dan lengkap. Walau bagaimanapun terdapat juga calon yang tidak dapat menjawab dengan baik. Sebilangan kecil calon tidak mengikut kehendak soalan. Calon tidak dapat menerangkan apakah perkara yang perlu dipertimbangkan apabila hendak menjalankan aktiviti disudut matematik. Calon mengulangi fakta yang sama dalam bentuk ayat yang berlainan.

Soalan 4 (b)

Majoriti calon memahami kehendak soalan dan dapat menjawab dengan tepat.

Soalan 4 (c)

Calon cemerlang dapat mengemukakan jawapan yang tepat kerana memahami kehendak soalan. Calon dapat menyatakan fakta yang tepat dan lengkap. Walau bagaimanapun terdapat juga calon yang tidak dapat menjawab dengan baik. Kebanyakan calon keliru tentang alat permainan yang boleh dibuat oleh guru dengan alat yang boleh dibeli. Calon tidak memahami kehendak soalan dan tidak dapat menjawab dengan baik.

Soalan 5 (a)

Calon cemerlang dapat mengemukakan jawapan yang tepat kerana memahami kehendak soalan. Calon dapat menyatakan fakta yang tepat dan lengkap. Walau bagaimanapun terdapat juga calon yang tidak dapat menjawab dengan baik. Sebilangan kecil calon tidak memahami kehendak soalan. Calon tidak dapat menyatakan sebab latihan kebakaran perlu dipraktikkan oleh pengasuh di tadika. Calon seringkali mengulangi fakta yang sama dalam bentuk ayat yang berlainan.

Soalan 5 (b)

Hanya sebilangan kecil calon yang dapat menjawab dengan tepat. Kebanyakan calon tidak dapat menyatakan langkah-langkah dengan tepat. Calon kerap mengulang fakta yang sama berulang kali.

Soalan 5 (c)

Calon cemerlang dapat mengemukakan jawapan yang tepat kerana memahami kehendak soalan. Calon dapat menyatakan fakta yang tepat dan lengkap. Walau bagaimanapun terdapat juga calon yang tidak dapat menjawab dengan baik.

Soalan 6 (a)

Sebilangan kecil calon sahaja yang dapat menjawab dengan tepat. Kebanyakan calon tidak dapat menerangkan dengan tepat kepentingan rehat dan tidur untuk kanak-kanak.

Calon kerap mengulangi fakta yang sama dalam ayat yang berlainan. Calon tidak memahami kehendak soalan.

Soalan 6 (b)

Calon cemerlang dapat memahami kehendak soalan dan dapat menjawab dengan tepat. Kebanyakan calon tidak menyenaraikan dengan tepat cara pengasuh boleh mengatasi kanak-kanak yang tidak mahu tidur. Jawapan yang diberikan adalah secara umum seperti mendenda kanak-kanak dan menakutkan kanak-kanak.

Soalan 6 (c)

Calon cemerlang dapat memahami kehendak soalan. Calon dapat menyatakan fakta pemilihan kot bayi dengan lengkap. Sebahagian kecil calon hanya dapat menyatakan tiga fakta sahaja dari lima fakta yang dikehendaki. Calon kerap mengulangi fakta yang sama dalam bentuk yang berlainan.

SARANAN KEPADA CALON

1. Membaca dan memahami kehendak soalan dengan teliti sebelum menjawab.
2. Memberikan lebih tumpuan pada sesi teknik menjawab yang dibuat oleh guru.
3. Menjawab dengan teknik yang betul.
4. Jawapan bahagian B memerlukan calon memberikan keterangan ringkas.
5. Banyakkan latihan menjawab untuk melatih diri pada teknik menjawab yang tepat.

SARANAN KEPADA GURU

1. Mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran.
2. Menggunakan pelbagai bahan rangsangan yang menarik dan berkualiti.
3. Memberi pendedahan pada calon tentang pendekatan yang tepat dan betul.
4. Mempelbagaikan kemahiran untuk mengolah jawapan dengan baik dan teknik menjawab yang betul pada calon.
5. Guru mesti memahami konstruk-konstruk berdasarkan contoh soalan yang lepas.
6. Guru mesti menguasai pengetahuan tentang mata pelajaran keseluruhan.
7. Adakan bank soalan atau bank item.
8. Guru perlu melatih calon untuk menjawab soalan lepas sebagai latihan dan mengadakan perbincangan dengan calon.
9. Menggalakkan penggunaan istilah, sebutan dan ejaan yang betul semasa pengajaran dan pembelajaran.